

**SIDANG KEMUNCAK  
INTEGRITI DAN TADBIR URUS NEGERI JOHOR 2018  
“NILAI INTEGRITI DAN TADBIR URUS DI ALAF KE-21”**

**UCAPTAMA OLEH  
Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI  
MENTERI HAL EHWAL EKONOMI**

**HOTEL PUTERI PACIFIC JOHOR BAHRU  
15 NOVEMBER 2018**

Bismillahirrahmani rahim

**Yang Amat Berhormat, Dato' Haji Osman bin Haji Sopian,**  
Menteri Besar Johor merangkap Pengerusi Johor Corporation  
(JCorp);

**Yang Berhormat Dato Kamaruzzaman bin Abu Kassim,**  
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif JCorp;

**YBhg. Tan Sri Dato' Setia Amrin bin Buang,**  
Pengerusi Jawatankuasa Perolehan, Tadbir Urus dan  
Kewangan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri;

**YBhg. Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed,**  
Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah  
Nasional (GIACC);

**YBhg. Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil,**  
Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya  
Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita menyuburkan wacana mengenai integriti di Sidang Kemuncak Integriti dan Tadbir Urus Negeri Johor 2018 anjuran JCorp.
  
2. Malaysia Baharu pasca Pilihan Raya Umum ke-14 menuntut kita untuk berpegang kepada prinsip integriti dan tata kelola dalam pembangunan bangsa dan negara.

3. Dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini ameleakkan prinsip ini sebagai tonggak utama dasar pembangunan ekonomi kerana ini merupakan asas kepada penyelesaian gejala rasuah dan salah guna kuasa.
  
4. 9 Mei 2018 adalah tarikh keramat di mana rakyat Malaysia bangkit untuk menolak pentadbiran yang rasuah, curang dalam pengurusan kewangan serta merompak khazanah negara milik rakyat menjadi milik Sang Penguasa.

5. Perkhidmatan awam runtuh dan gagal berfungsi secara efektif dan profesional kerana nilai integriti dan moral dikesampingkan serta dirobek oleh kerajaan yang lalu. Hutang negara mencecah RM 1 trilion. Keyakinan pelabur terhakis. Ekonomi negara semakin terkesan. Nilai ringgit lemah. Kos sara hidup rakyat amat membeban. Maka, perubahan kerajaan berlaku sebagai peringatan kepada kita semua.
  
6. Memetik kata-kata ahli falsafah George Santayana, "*Those who cannot remember the past are condemned to repeat it.*" Pengajaran daripada sejarah adalah suatu yang harus dijadikan teladan.

7. Kejatuhan Empayar Rom juga berpunca dari rasuah di dalam kerajaan yang berlaku dengan dengan begitu berleluasa ditambah dengan penyalahgunaan kuasa oleh Senat Rom.
  
8. Kekayaan yang seharusnya digunakan untuk kesejahteraan rakyat Rom telah dirompak dan ini membawa kepada kegagalan pentadbiran awam, kegawatan ekonomi dan warga Rom hilang kepercayaan terhadap kerajaan mereka.

9. *Muqaddimah* yang dinukil oleh tokoh Islam abad ke-14, Ibn Khaldun, menegaskan bahawasanya sesuatu tamadun ditingkahi oleh ciri-ciri “*refined aspects*” seperti literasi, kesusasteraan, kemahiran berpuisi dan perkembangan ilmu-ilmu saintifik seperti logik, matematik, geometri dan astronomi. Ini termasuk nilai integriti dan tata kelola yang baik sebagai tonggak kepada pembangunan masyarakat.
  
10. Ibn Khaldun menekankan bahawa kerajaan bukan sahaja perlu melaksanakan tanggungjawab dan menguatkuasakan undang-undang tetapi ia juga mesti mencegah ketidakadilan dalam masyarakat daripada berlaku.

11. Undang-undang tidak dapat menyelesaikan masalah rasuah dan salahguna kuasa. Pemupukan nilai-nilai murni seperti integriti dan amanah adalah penting dalam membentuk jati diri anak watan yang mampu melahirkan sebuah komuniti dan negara yang makmur, adil dan sejahtera.
  
12. Sidang Kemuncak ini mampu menjadi titik tolak kepada usaha membudayakan amalan integriti dan tadbir urus dalam pentadbiran dan pengurusan korporat.



13. Kerajaan Baru komited untuk menerapkan nilai integriti dan tadbir urus yang baik dalam rangka kerja. Kedua-dua komponen tersebut saling melengkapi antara satu sama lain. Kekurangan salah satu darinya akan menyebabkan kepincangan ekosistem pengurusan sesebuah organisasi, syarikat dan negara.
  
14. Gandingan integriti dan tadbir urus mampu menjana produktiviti dalam sesebuah syarikat dan memacu pertumbuhan ekonomi yang mampan. Pelabur-pelabur asing dan domestic yakin untuk meletakkan pelaburan mereka dalam negara dan dapat mencipta peluang-peluang pekerjaan baru untuk rakyat.

15. Di dalam konteks pengurusan dan operasi sesebuah organisasi, dasar dan prosedur yang jelas membantu warga kerja menjalankan tugas secara efektif dan menyumbang kepada peningkatan tahap kecekapan operasi dan pengurusan.
  
16. Integriti pula berperanan sebagai benteng pertama dan terakhir ke arah memastikan pelaksanaan pertimbangan yang betul di peringkat individu. Kombinasi '*doing the right thing*' dan '*doing things right*' mampu membina organisasi yang utuh dan berdayasaing.

17. Dalam konteks pengurusan ekonomi sesebuah negara pula, integriti dan tadbir urus memainkan peranan penting untuk bersaing dalam pasaran serantau dan peringkat global.
  
18. Perang perdagangan di antara China dan Amerika Syarikat boleh mencipta peluang untuk Malaysia memperkukuhkan kerjasama ekonomi serantau dan menjadikan Malaysia hab perdagangan melalui tenaga kerja rakyat Malaysia berkemahiran, berintegriti dan berdaya saing.

19. Saya yakin bahawa mana-mana organisasi mempunyai prosedur mencegah rasuah. Walau bagaimanapun, kita perlu melangkaui keperluan undang-undang dan peraturan semata-mata dan memberi tumpuan kepada pewujudan satu persekitaran yang memupuk nilai-nilai integriti dan tadbir urus yang baik sebagai satu norma sosial.

20. Secara amnya, negara-negara maju yang mempunyai rekod anti-rasuah yang baik mencatat pencapaian pendapatan negara kasar (GNI) per kapita yang tinggi.

21. Bagi tahun 2017, Switzerland yang berada di tangga ke-3 Indeks Persepsi Rasuah telah merekodkan GNI per kapita pada USD 80,560, iaitu yang tertinggi di kalangan kumpulan 55 negara berpendapatan tinggi. Pada masa yang sama, Malaysia yang berada di tangga ke-62 Indeks Persepsi Rasuah pula hanya mencatatkan GNI per kapita sebanyak USD 9,650.

22. Kerajaan hari ini akan memberi dokongan kepada usaha-usaha Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Negara (GIACC) untuk memerangi rasuah dalam negara. Pelbagai langkah mereformasikan institusi telah dilaksanakan dalam tempoh 100 hari pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan.

23. Saya turut mengalu-alukan cadangan daripada GIACC untuk memperkenalkan satu undang-undang anti-sabotaj ekonomi negara untuk memerangi budaya “Ali Baba” dalam perolehan kerajaan.

24. Saya juga menyarankan agar dibangun satu Indeks Integriti dan Tadbir Urus Korporat Nasional untuk digunakan organisasi-organisasi berteraskan ekonomi dan perniagaan.
  
25. Ia berfungsi sebagai rujukan, penanda aras dan barometer bagi mencerap tahap dan amalan integriti serta tadbir urus di dalam organisasi-organisasi tersebut.

26. Indeks ini boleh dibangunkan dengan kerjasama pemegang taruh dari sektor awam dan swasta. Input dan pandangan dari semua pihak akan membolehkan pewujudan indeks yang mampu berfungsi sebagai komponen nilai tambah di dalam memperkasakan rangka kerja integriti dan tadbir urus organisasi.
27. Impian 'Malaysia Baharu' ialah sebuah negara yang dibina di atas landasan integriti dan tadbir urus yang tinggi. Kemajuan sesebuah negara bukan sahaja diukur dari prestasi ekonomi sahaja tetapi juga keupayaan membina sebuah masyarakat yang berintegriti, adil dan berpegang kepada jati diri dan nilai yang murni.



28. Saya yakin Sidang Kemuncak ini akan menghasilkan resolusi yang dapat mencapai matlamat untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran mengenai pentingnya integriti kepada kemampuan organisasi dalam memantapkan governans dalam pentadbiran dan pengurusan.

Sekian, terima kasih.